



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan, terdiri daripada pemohon kelahiran Negeri Selangor atau mempunyai ibu/ bapa yang dilahirkan di Negeri Selangor bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Keutamaan akan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan.

BIL	JAWATAN	GREDD	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
1.	PEMANDU KENDERAAN	H11	1	PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN

- A. Nama Jawatan : PEMANDU KENDERAAN GREDD H11
- Kumpulan Perkhidmatan : PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
- Kadar Upah : RM54.00/ Hari
- Elaun Dan Kemudahan :
- i) Elaun Perjalanan Kenderaan;
 - ii) Elaun Sewa Hotel/ Elaun Lojing;
 - iii) Elaun Harian;
 - iv) Elaun Makan;
 - v) Elaun Kerja Lebih Masa; dan
 - vi) Elaun Kad Prabayar

B. SYARAT LANTIKAN :

- a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- i) Warganegara Malaysia;
 - ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengan kerajaan;
 - iv) Memiliki lesen memandu Kelas D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
 - v) Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 2 tahun di dalam bidang ini;

- vi) Mahir dengan selok belok jalan di sekitar Lembah Klang dan Putrajaya; dan
- vii) Tidak disenaraihitam oleh JPJ dan Polis Diraja Malaysia.

- b) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan;
- c) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

C. CARA PERMOHONAN :

- a) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran paspot, salinan kad pengenalan, salinan sijil persekolahan, salinan sijil kelahiran, salinan lesen memandu dan lain-lain dokumen yang berkaitan;
- b) Permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan;
- c) Permohonan yang tidak lengkap, tidak terang dan tidak memenuhi syarat **AKAN DITOLAK**;
- d) Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk sesi temu duga;
- e) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak Berjaya;
- f) Borang (LPHS 01/PSM) boleh didapati secara percuma di Kaunter Ibu Pejabat LPHS atau laman web <http://lphs.selangor.gov.my>. Permohonan hendaklah dihantar kepada alamat berikut:

**PENGARAH EKSEKUTIF
LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR
TINGKAT 5, PODIUM UTARA
BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM, SELANGOR**

- g) Tarikh tutup permohonan adalah pada **09 Ogos 2018 (Khamis)**.